

16/11/1999

50 peratus calon muka baru

KOK LANAS, Isnin - Barisan Nasional (BN) Kelantan dijangka mengemukakan kira-kira 50 peratus muka baru sebagai calonnya untuk bertanding pada pilihan raya umum ke-10 pada 29 November ini.

Semua calon yang bakal bertanding di 43 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan 14 kerusi Parlimen di negeri ini kali ini adalah gabungan pemimpin generasi muda tokoh lama yang berwibawa.

Semua senarai calon BN yang dikenal pasti sudah dikemukakan kepada Pengerusi BN yang juga Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menilai dan membuat keputusan.

Pengerusi BN negeri, Datuk Annuar Musa berkata keputusan muktamad mengenai bakal calon akan diketahui esok.

Katanya, pilihan raya umum kali ini turut menyaksikan keupayaan BN menyediakan barisan terkuat parti itu ke arah matlamat merampas semula Kelantan daripada genggamannya Pas sejak dua penggal lalu.

Katanya, semua bakal calon yang dikenal pasti ialah tokoh profesional, akademik, ulama dan pemimpin Umno serta BN yang berwibawa, disesuaikan dengan aspirasi dan kehendak rakyat.

"Sebenarnya BN Kelantan memberi perhatian serius terhadap pemilihan calon kali ini untuk memastikan mereka dapat memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat dan parti.

"Kita nak calon boleh buat kerja jika BN menang, tapi kalau jadi calon tak boleh buat kerja buat apa," katanya kepada pemberita di karnival keluarga anggota tentera, di Kem Desa Pahlawan, dekat sini, petang semalam.

Pemerhati politik menjangka BN Kelantan mengemukakan kira-kira 40 peratus calon muka baru bagi mencorakkan perubahan lebih positif untuk mengukuhkan kedudukan Umno dan BN di negeri itu.

Annuar yang juga Menteri Pembangunan Luar Bandar, berkata BN juga dilihat mempunyai peluang cerah menawan sekurang-kurangnya 28 kerusi DUN untuk menubuhkan kerajaan baru di Kelantan pada pilihan raya umum kali ini.

Katanya, peluang itu berdasarkan keadaan semasa dan perubahan sikap rakyat Kelantan tidak lagi percaya terhadap Pas apabila sanggup bekerjasama dengan DAP, sebuah parti menentang penubuhan negara Islam.

Ditanya apakah BN tidak bimbang menghadapi Pas di kawasan menjadi kubu kuatnya, beliau berkata sekarang tidak wujud lagi kawasan kubu kuat Pas di Kelantan.

Ini kerana menurutnya, semua kawasan yang sebelum ini dianggap kubu Pas sudah boleh ditembusi Umno dan BN termasuk Parlimen Pengkalan Chepa yang dikatakan antara kawasan terkuat Pas di Kelantan sejak sekian lama.

Sebab itu, katanya Pas kini mula bimbang menghadapi BN, kerana sedar kekuatannya semakin merosot.

(END)